

1

Berzakat Bukan Bersedekah

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالْعَاقِبَةُ لِلْمُتَّقِينَ وَلَا عُدْوَانَ إِلَّا عَلَى الظَّالِمِينَ،
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ شَهَادَةٌ تُنَجِّي قَائِلَهَا مِنْ
عَذَابِ النَّارِ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ
إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُتَّقِينَ.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah...

Terlebih dahulu khatib ingin berwasiat kepada diri sendiri dan para jemaah sekalian agar sentiasa meningkatkan ketaqwaan

kita kepada Allah dengan beramal soleh dan mengerjakan segala perintah-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya agar kita mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يٰٓأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ
مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman bertakwalah kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa dan janganlah kamu mati melainkan kamu dalam keadaan beragama Islam.”

(QS Ali-Imran (3) : 102)

Tajuk khutbah pada hari ini ialah “**BERZAKAT BUKAN BERSEDEKAH.**”

Kaum Muslimin Yang Sama-Sama Berbahagia...

Menurut ajaran Islam, sedekah itu dibahagikan kepada dua jenis; sedekah wajib dan sedekah sunat. Adapun sedekah wajib dikenali sebagai zakat. Sementalahan, zakat didefinisikan oleh para ulama feqah sebagai “Nama bagi sebahagian dari harta benda yang dikeluarkan atas perintah Allah s.w.t kepada amil yang ditauliahkan sebagai sedekah wajib untuk diagihkan kepada mereka yang telah ditetapkan menurut syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Syarak.”

Kekayaan adalah merupakan nikmat yang besar, yang dianugerahkan oleh Allah s.w.t. Oleh itu sebagai seorang hamba, sewajarnya kita bersyukur atas nikmat kekayaan harta benda

dan wang ringgit yang kita perolehi dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dalam al-Quran Allah s.w.t telah berfirman menerusi surah Ibrahim ayat ke-7:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَإِذ تَأَذَّنَ رَبُّكُمْ لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ
إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: “Demi sesungguhnya! jika kamu bersyukur nescaya Aku akan tambahi nikmatKu kepada kamu, dan Demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”

(QS Ibrahim (14):7)

Dalam kita menghitung-hitung nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada kita, sebagai seorang hamba yang patuh dan taat serta ingin menzahirkan rasa syukur kepada Allah s.w.t, sewajarnya kita mendahulukan kewajipan berzakat yang merupakan salah satu rukun Islam berbanding sedekah, derma dan sumbangan-sumbangan yang lain. Firman Allah melalui surah al-Taubah ayat yang ke-103:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ
صَلَوَاتِكَ سَكَنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: “Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zakat) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka (dari akhlak yang buruk) dan berdoalah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu mententeramkan mereka dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar Lagi Maha Mengetahui.”

(QS al-Taubah (9):103)

Zakat merupakan ibadah dan satu kewajipan kepada umat Islam yang diberikan harta dan rezeki yang luas. Zakat juga adalah satu tanggungjawab kepada mereka yang berada terhadap yang miskin bagi memastikan kestabilan sosial terjamin. Di dalam surah al-Baqarah ayat 83 Allah s.w.t telah berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهَ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ ثُمَّ تَوَلَّيْتُمْ إِلَّا قَلِيلًا مِّنْكُمْ وَأَنتُمْ مُّعْرِضُونَ

Maksudnya: “Dan ingatlah (wahai Muhammad)! Ketika kami mengikat perjanjian setia dengan bani Israel, janganlah kamu menyembah melainkan Allah dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang miskin dan katakanlah sesama manusia perkataan yang baik-baik dan dirikanlah sembahyang serta berikanlah zakat. Kemudian kamu berpaling (membelakangkan) perjanjian setia kamu itu

kecuali sebahagian kecil daripada kamu dan sememangnya kamu orang yang tidak menghiraukan perjanjian.”

(QS al-Baqarah (2):83)

Sidang Jemaah Yang Sama-Sama Berbahagia...

Menurut al-Quran hak untuk memiliki harta benda merupakan hak yang tidak boleh dicabuli. Sesiapapun tidak dibenarkan sama sekali untuk mengambil harta benda seseorang yang lain dengan cara yang berlawanan dengan undang-undang. Al-Quran amat tegas membicarakan hak individu sebagaimana firman Allah s.w.t di dalam surah al-Baqarah ayat 188:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ
لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya : “Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

(QS al-Baqarah (2):188)

Sidang Jemaah Yang Dimuliakan Sekalian...

Dalam konteks ini, bagi memastikan syariat Allah s.w.t dipatuhi dan menghalang pencabulan harta dan hak individu disamping

menjamin agar golongan yang berhak atau asnaf zakat mendapat pembelaan yang sewajarnya, maka Islam sebagai *al-din* yang dipandukan oleh junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w telah memperkenalkan Institusi Amil atau Badan Mengurus Zakat sepertimana yang terdapat di seluruh Negeri di Malaysia termasuklah Pusat Zakat Sabah (MUIS), di negeri ini.

Tujuan penubuhan badan tersebut adalah untuk menjamin agar falsafah dan matlamat akhir ibadah zakat dapat direalisasikan sepertimana yang telah digariskan oleh syarak dalam rangka meningkatkan taraf sosioekonomi umat Islam khususnya golongan yang amat memerlukan.

Asnaf zakat ialah lapan golongan yang layak menerima zakat seperti yang telah disebutkan dalam al-Quran melalui surah al-Taubah ayat ke-60:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ
فُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ
فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

Maksudnya: "Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah, dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, Lagi Maha Bijaksana."

(QS al-Taubah (9):60)

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah...

Sejajar dengan Muzakarah kali ke 76 Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bertarikh 21 November 2006 yang telah memutuskan bahawa, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah (Amil yang ditauliahkan) adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.

Allah s.w.t berfirman:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن
نَنزَعْنَم فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ
الْآخِرِ ذَٰلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan Ulil-Amri (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada Allah (al-Quran) dan RasulNya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya."

(QS al-Nisa (4): 59)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.